

BUTIR BUTIR PEMBIAYAANJUMLAH PEMBIAYAAN RM TEMPOH PEMBIAYAAN bulan**ARAHAN BAYARAN**

Sila tandakan (✓) dikotak yang bersesuaian.

- ☐ Sila kredit ke akaun simpanan di Koperasi Tentera (Sila nyatakan nombor akaun): _____
- ☐ Saya akan mengambil sendiri cek* di Ibu Pejabat / Cawangan : _____
- ☐ Sila kredit ke nombor akaun (Sila nyatakan nombor akaun dan nama bank): _____

(Sila sertakan salinan buku akaun/ penyata akaun bank)

- a) Saya mengakui dan mengesahkan bahawa butiran akaun di atas adalah betul dan sah.
- b) Saya mengakui bahawa mungkin berlaku kelewatan dalam pemprosesan permohonan jika butiran dan maklumat yang saya berikan di atas tidak betul dan tidak sah.

*Caj tambahan akan dikenakan bagi pengeluaran menggunakan cek. Anggota digalakkan untuk memilih bayaran kredit ke dalam akaun.

DEKLARASI PIHAK BERKAITAN

Selaras dengan Garis Panduan GP11 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berkenaan Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak Berkaitan, saya dengan ini mengakui bahawa:

- ☐ Ya, saya mempunyai keluarga terdekat* yang bekerja dengan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad ("Koperasi Tentera").
- ☐ Ya, saya mempunyai keluarga terdekat* yang dilantik sebagai Anggota Lembaga Pengarah Koperasi Tentera.
- ☐ Tidak, saya bukan kakitangan/ Anggota Lembaga Pengarah Koperasi Tentera dan tidak mempunyai keluarga terdekat yang bekerja/dilantik sebagai Anggota Lembaga Pengarah Koperasi Tentera.
- ☐ Ya, saya merupakan kakitangan yang bekerja dengan Koperasi Tentera.
- ☐ Ya, saya merupakan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi Tentera yang dilantik.

*Sila nyatakan maklumat diri/saudara terdekat yang bekerja di Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad:

BIL	NAMA	NO. MYKAD/NO. STAF	HUBUNGAN
1.			
2.			
3.			

*Keluarga terdekat adalah terdiri daripada ibu bapa, suami/isteri kakitangan termasuk tanggungan mereka, anak-anak (termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah taraf) dan anak-anak suami/isteri, adik-beradik termasuk suami isteri mereka dan mana-mana tanggungan dan orang lain yang mungkin mempengaruhi / dipengaruhi oleh kakitangan tersebut.

Untuk Kegunaan Pejabat

Semakan:

- ☐ Terlibat dan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Kredit
- ☐ Tidak Terlibat dan boleh diproses seperti biasa

Tandatangan & Cop Jawatan

Tarikh :

PENGAKUAN DAN PERJANJIAN

- Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberi adalah benar, tepat, lengkap dan tidak menyembunyikan apa-apa fakta material atau maklumat yang berhubung dengannya. Pihak Koperasi Tentera berhak untuk menolak permohonan dan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kos dan lain-lain yang disebabkan oleh maklumat yang tidak benar/tidak tepat/palsu.
- Saya bersetuju dan berakujanji mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi Tentera, Aturan-aturannya, pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi Tentera dan Aturan-aturannya dari semasa ke semasa serta arahan-arahan Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.
- Saya bersetuju bahawa Koperasi Tentera mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan saya tanpa menyatakan sebarang alasan.
- Borang permohonan ini dan semua dokumen sokongan yang telah diserahkan kepada Koperasi Tentera adalah hak milik mutlak Koperasi Tentera dan Koperasi Tentera berhak mengekalkan semua dokumen tanpa mengira sama ada permohonan saya diluluskan ataupun ditolak.
- Saya melantik Koperasi Tentera sebagai wakil saya bagi menyempurnakan Akad Jualan Tangguh dan Akad Belian Tunai berkaitan kemudahan pembiayaan peribadi Bai Inah.
- Saya bersetuju membenarkan majikan memotong gaji saya bagi menyelesaikan kemudahan pembiayaan ini atau dengan cara yang ditetapkan oleh Koperasi Tentera.
- Saya membenarkan Koperasi Tentera menerima maklumat potongan gaji saya dengan agensi lain yang mendapat kemudahan potongan gaji anggota tentera.
- Sekiranya saya gagal menyelesaikan pembiayaan ini dalam tempoh yang diberikan, saya membenarkan maklumat kredit dan baki pembiayaan yang tertunggak dilaporkan kepada pihak agensi pelaporan kredit, dipaparkan kepada pihak pemberi kredit yang lain (seperti bank atau institusi kewangan) dan memberikan kebenaran kepada pihak Koperasi Tentera untuk mendapatkan laporan kredit saya yang terkini sekiranya pembayaran pembiayaan ini tertunggak dan gagal diselesaikan.
- Selaras dengan kebenaran saya untuk Koperasi Tentera di bawah semakan kredit, saya dengan ini memberi kebenaran kepada pihak agensi pelaporan kredit untuk memaparkan laporan kredit saya kepada pihak Koperasi Tentera.
- Saya bersetuju bahawa sekiranya saya meninggal dunia tanggungan liabiliti pembiayaan saya akan diselesaikan melalui yuran terkumpul.
- Saya bersetuju untuk menyelesaikan pembiayaan lama Koperasi Tentera, Pembiayaan Jaminan Hutang Terbengkalai dan pembiayaan organisasi luar (jika ada).
- Saya telah membaca dan memahami Notis Privasi Koperasi Tentera dari laman sesawang www.katmb.com.my dan dengan ini bersetuju untuk terikat kepada Notis Privasi Koperasi Tentera tersebut.
- Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Kemudahan yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan ini dan segala pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa sebelum menerima dan mengambil Kemudahan pembiayaan ini.
- Saya juga faham dan bersetuju bahawasanya saya akan terikat dengan Terma dan Syarat yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan ini.
- Saya mengaku telah dimaklumkan, membaca dan memahami tentang keterangan berhubung dengan Lembaran Penzahiran Produk berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan yang dipohon di sini.

Sila baca, tandatangan dan hantar Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi Kontrak Bai-Inah beserta dengan borang permohonan ini.

Tandatangan Pemohon

Tarikh : _____

Tandatangan Saksi

Nama Penuh Saksi : _____

No. MyTentera / MyKad Saksi : _____

Tarikh : _____

TERMA & SYARAT PEMBIAYAAN PERIBADI KONTRAK BAI-INAH

Kelulusan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i Kontrak Bai-Inah ("Kemudahan") oleh Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 3522) ("Koperasi Tentera") kepada Anggota adalah tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma") yang telah dimaklumkan kepada Anggota semasa Kemudahan tersebut dibuat. Terma ini akan mengikat Anggota serta-merta sebaik sahaja Kemudahan diluluskan oleh Koperasi Tentera.

Tafsiran

- 1. Terma ini, bersama dengan lain-lain dokumen berkenaan dengan mana-mana akaun simpanan Anggota yang dibuka dan dikekalkan dengan Koperasi Tentera membentuk satu perjanjian yang menetapkan Terma berkaitan dengan Kemudahan ini.
- 2. Terma yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukannya gantian atau pengurangan terhadap mana-mana terma dan syarat lain yang mengikat Anggota dari semasa ke semasa.

Kelayakan Anggota

- 3. Kemudahan ini adalah tersedia untuk semua Anggota yang layak seperti yang dinyatakan di dalam Aturan-Aturan Am Pembiayaan dan Aturan-aturan Pembiayaan berlandaskan Syariah bagi kemudahan Peribadi Bai-Inah di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera beserta pindaannya dan arahan Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.

Kemudahan

- 4. Syarat-syarat Kemudahan ini adalah seperti dinyatakan di dalam Aturan-aturan Am Pembiayaan dan Aturan-aturan Pembiayaan Peribadi Bai-Inah di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera beserta pindaannya dan arahan dari Koperasi Tentera dari semasa ke semasa.
- 5. Kemudahan yang disediakan oleh Koperasi Tentera ini bukanlah merupakan hak tetapi merupakan satu perkhidmatan kepada Anggota.

Konsep Syariah dan Permohonan Kemudahan Pembiayaan

- 6. (a) Kemudahan ini menggunakan konsep Bai Inah yang melibatkan urus niaga jual beli dimana Koperasi Tentera akan menjual asset kepada Anggota secara pembayaran tertangguh dan membelinya semula secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan tertangguh tersebut.
- (b) Permohonan bagi kemudahan ini adalah melalui Borang Permohonan yang lengkap di atas oleh Anggota bersama dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan kepada Koperasi Tentera bagi proses penilaian dan kelulusan. Melalui Borang Permohonan yang dikeluarkan oleh Koperasi Tentera, Anggota dengan ini bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini. Sebarang keputusan berhubung permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Koperasi Tentera.
- (c) Setiap permohonan yang diterima tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan setelah pengeluaran Kemudahan dilakukan oleh Koperasi Tentera.
- (d) Dengan mengisytiharkan borang Kemudahan ini, Anggota dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di dalam ini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Koperasi Tentera yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

Kelulusan Kemudahan

- 7. Amaun pembiayaan yang akan diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh Koperasi Tentera.
- 8. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Koperasi Tentera. Koperasi Tentera boleh menolak permohonan Kemudahan tanpa memberi sebarang alasan. Koperasi Tentera berhak meluluskan Kemudahan pada jumlah, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang mungkin berbeza dengan jumlah, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang dipohon oleh Anggota tanpa sebarang notis.
- 9. Anggota dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Kemudahan tersebut telah disempurnakan sebaik sahaja Koperasi Tentera mengkreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Anggota atau menyerahkan cek kepada Anggota tanpa mengambil kira jumlah Kemudahan dalam akaun tersebut tidak digunakan.
- 10. Apa-apa perbezaan dalam jumlah Kemudahan dan/atau Tempoh Ansuran Kemudahan yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan Terma dan Anggota dianggap telah menerima wang untuk Jumlah Kemudahan seperti yang diluluskan oleh Koperasi Tentera.
- 11. Anggota memahami dan bersetuju untuk menerima tawaran Koperasi Tentera dengan nyata atau melalui kelakuan dengan menggunakan kemudahan yang ditawarkan oleh Koperasi Tentera yang telah dikreditkan ke akaun/cek, yang mana lebih awal.

Duti Setem

- 12. Segala perbelanjaan berhubung dan berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi berhubung dengan Kemudahan ini termasuk semua bayaran duti setem akan ditanggung oleh Anggota. Bayaran duti setem akan dilakukan melalui potongan wang pembayaran terlebih dahulu oleh Koperasi Tentera ketika proses pengeluaran pembayaran.

Pelantikan Agensi/Wakil

- 13. Anggota dengan ini melantik staf Koperasi Tentera sebagai wakilnya untuk menyempurnakan Akad Jualan Tangguh dan Akad Belian Tunai berkaitan dengan Kemudahan ini.

Ta'widh ("Caj Lewat Bayaran")

- 14. Anggota bersetuju bahawa Koperasi Tentera berhak mengadakan dan menuntut ganti rugi daripada Anggota ke atas kerugian sebenar yang di alami oleh Koperasi Tentera akibat Anggota lewat/enggan membayar ansuran pembiayaan yang telah diterima dan diakui oleh Anggota atau apa-apa arahan bayaran tertunggak yang akan dibayar kepada Koperasi Tentera berdasarkan kepada kiraan di dalam Lembaran Penzahiran Produk.

Bayaran

- 15. Bagi maksud menyelesaikan pembayaran Kemudahan yang telah diluluskan Anggota bersetuju untuk membenarkan majikannya membuat bayaran ansuran bulanan bagi Kemudahan ini secara potongan gaji sehingga pembayaran Kemudahan selesai atau untuk membuat bayaran menggunakan cara bayaran ansuran bulanan lain seperti yang telah ditetapkan oleh KT, sehingga pembayaran Kemudahan selesai.

Kejadian Ingkar

- 16. Koperasi Tentera mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan Kemudahan dan/atau menuntut bayaran penuh daripada anggota dalam tempoh masa (mengikut bilangan hari yang tertera di dalam polisi Koperasi Tentera sedia ada), sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau kejadian-kejadian ingkar termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:
 - a) Ingkar dalam membayar ansuran atau bayaran wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - b) Perintah Kebankrapan dikeluarkan terhadap Anggota;
 - c) Sekiranya Anggota hilang kewarasan atau meninggal dunia;
 - d) Anggota membekalkan maklumat/data palsu kepada Koperasi Tentera;
 - e) Perubahan dalam mana-mana undang-undang atau perubahan yang menyebabkan ianya menjadi satu kesalahan kepada Koperasi Tentera untuk terus menyediakan Kemudahan ini kepada Anggota; dan
 - f) Jika berlaku keadaan yang pada pendapat Koperasi Tentera, Anggota tidak dapat menjelaskan jumlah keberhutangan mengikut syarat dan terma yang dipersetujui.
- 17. Anggota dengan ini bersetuju untuk menjelaskan sebahagian atau keseluruhan jaminan pembiayaan terbelengkalai (jika ada) dari pembiayaan bahu ini tanpa bantahan mengikut undang-undang kecil Koperasi Tentera.
- 18. Anggota juga bersetuju sebahagian pembiayaan terbelengkalai yang tidak diselesaikan (menurut perkara 10 Pengakuan dan Perjanjian) akan dikutip melalui potongan gaji anggota tidak melebihi 60% dari jumlah pendapatan.

Keingkaran Bersilang

- 19. Anggota dengan ini bersetuju bahawa sekiranya berlaku keingkaran oleh Anggota ke atas terma, syarat dan ketetapan di dalam mana-mana perjanjian kemudahan kredit atau lain-lain akaun pembiayaan di Koperasi Tentera, Anggota dianggap sebagai telah melakukan suatu keingkaran. Justeru, Koperasi Tentera mempunyai hak untuk menganggap bahawa Kemudahan ini serta semua wang yang perlu dibayar dibawah akaun-akaun lain atau perjanjian kemudahan kredit yang lain di Koperasi Tentera sebagai telah tertunggak.

Apabila keingkaran ini berlaku, Koperasi Tentera berhak untuk menuntut Anggota membayar segala jumlah keberhutangan tersebut termasuk kos-kos yang terlibat seperti yang telah ditetapkan. Koperasi Tentera juga berhak untuk menarik balik atau membatalkan Kemudahan ini atau pembiayaan bagi mana-mana akaun pembiayaan atau perjanjian kemudahan kredit lain di Koperasi Tentera.

Pendedahan

- 20. Anggota faham bahawa sebarang data peribadi yang didedahkan kepada Koperasi Tentera sama ada secara lisan atau melalui Borang Kemudahan serta mana-mana dokumen yang dilampirkan bersama Borang Kemudahan, akan dikumpul, digunakan, disimpan dan (sekiranya ada keperluan undang-undang atau keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan Koperasi Tentera) didedahkan oleh Koperasi Tentera menurut ketetapan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Koperasi Tentera yang mana kandungan Notis Privasi tersebut telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh Anggota. Anggota dinasihatkan untuk melayari laman sesawang www.katmb.com.my untuk meneliti kandungan Notis Privasi tersebut.
- 21. Anggota bersetuju bahawa apa-apa perjanjian, pengesahan, perisytiharan, persetujuan atau akujanji yang diberikan oleh Anggota secara lisan atau/oleh sebarang kaedah telekomunikasi atau elektronik adalah sah dan mengikat Anggota.

Hak Untuk Menolak/Memindahkan Wang Daripada Akaun Simpanan dan Akaun Yuran

- 22. Koperasi Tentera boleh pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya dan tanpa memberi alasan kepada Anggota dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar sebelumnya kepada Anggota berkenaan tindakannya untuk menolak dan memindahkan sebarang wang yang ada di dalam Akaun Simpanan Anggota dan Akaun Yuran dengan Koperasi Tentera dalam apa-apa deskripsi atau tanpa mengambil kira di mana kedudukannya untuk tujuan mengurangkan dan/atau menjelaskan sebarang jumlah atau tunggakan Kemudahan yang kena dibayar kepada Koperasi Tentera mengikut terma dan syarat di sini.

Pindaan Terma dan Syarat

- 23. Penggunaan Kemudahan adalah tertakluk kepada Terma yang dinyatakan di sini. Koperasi Tentera berhak pada bila-bila masa menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana Terma atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, sama ada yang serupa atau sebaliknya atau menarik balik kesemuanya sama sekali selagi mana mematuhi Syariah dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana Terma atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, di laman web Koperasi Tentera atau sebarang kaedah medium komunikasi yang dirasakan bersesuaian oleh Koperasi Tentera.

Penyerahan Proses Undang-undang

- 24. Semua Pihak dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang proses undang-undang/proses tuntutan di Tribunal mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini dikuatkuasakan melalui penyerahan sesalinannya secara pos berdaftar prabayar ke alamat-alamat Anggota yang dinyatakan dalam borang permohonan Kemudahan atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Anggota kepada Koperasi Tentera dari semasa ke semasa. Penyerahan ini dianggap sempurna selepas lima (5) hari dari tarikh ianya diposkan.

Tanggungan Rugi

- 25. Koperasi Tentera tidak akan bertanggungjawab ke atas dan meniadakan kesemua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, bayaran lewat, kos, caj dan perbelanjaan yang mana Anggota mungkin tanggung, alami atau terbabit akibat dari penglibatannya di dalam Kemudahan ini.
- 26. Anggota hendaklah pada setiap masa menanggung rugi Koperasi Tentera terhadap segala tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk segala kos perundangan di atas dasar peguam dan anak guam) pada bila-bila masa oleh dan/atau disebabkan mana-mana pihak terhadap Koperasi Tentera sekiranya berlaku perkara-perkara kemungkiran dalam terma dan syarat ini oleh Anggota melainkan tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan tersebut timbul adalah disebabkan oleh kecuaihan, kelalaian ataupun penipuan oleh pihak Koperasi Tentera.

Undang-undang Terpaksi

- 27. Kemudahan akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut Undang-undang Malaysia dan pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tunduk kepada bidangkuasa mahkamah-mahkamah Malaysia atau bidangkuasa kompeten mahkamah-mahkamah lain atau Tribunal yang mana Koperasi Tentera boleh atas budi bicara mutlaknya memilih dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian proses undang-undang boleh dilaksanakan mengikut cara yang dinyatakan di sini.

Tujuan kegunaan pembiayaan

- 28. Anggota akan menggunakan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan untuk tujuan yang berguna seperti yang telah termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Tentera dan tidak boleh digunakan dalam apa jua/atau untuk perkara-perkara yang memudaratkan serta menyalahi Undang-Undang Malaysia.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

- 29. (a) Anggota tidak dibenarkan untuk menggunakan Kemudahan untuk aktiviti-aktiviti haram sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- (b) Anggota memberi jaminan bahawa semua wang yang dibayar kepada KT adalah disediakan atau diperolehi dari sumber aktiviti-aktiviti yang sah dan bukannya dari aktiviti yang menyalahi undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Cap Jari Kiri/Kanan

Tandatangan Anggota : _____

Nama : _____

Nombor MyTentera / MyKad : _____

Tarikh : _____

